

## Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa

*The Role of Voluntary Activitiy in Nurturing Student's Soft Skills*

**Intan Suria Hamzah<sup>1</sup>, Siti Aisyah Mohamad Zin<sup>1</sup>, Mohamad Basri Jamal<sup>1</sup>,  
Muhammad Ridhwan Sarifin<sup>1</sup>, Latun Azizah Kamarudin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup>Persatuan Pendidikan dan Rehabilitasi OKU, Ibu Tunggal dan Warga Emas Malaysia 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA  
Email: intan.hamzah@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 14 September 2022

**To cite this article (APA):** Hamzah, I. S., Mohamad Zin, S. A., Jamal, M. B., Sarifin, M. R., & Kamarudin, L. A. (2022). The Role of Voluntary Activitiy in Nurturing Student's Soft Skills: Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 67–80. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.6.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.6.2022>

### Abstrak

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Projek Sukarelawan Universiti Awam pada tahun 2017. Program Kesukarelawanan bermatlamat memberi pendedahan serta latihan kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah, jati diri dan tahap keperihatinan terhadap persekitaran mereka. Menyedari kesukarelawanan dalam diri mahasiswa dapat memupuk nilai-nilai murni terhadap masyarakat selaras dengan hasrat KPM untuk merakyatkan universiti, maka kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan aktiviti kesukarelawanan dalam meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, kaedah kepustakaan dan analisis kandungan dalam menganalisis dan mengumpul data. Temu bual telah dijalankan terhadap sepuluh orang pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Kuala Lumpur *Business School*. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu pertama, meningkatkan kefahaman berkenaan definisi sukarela, sukarelawan dan kesukarelawanan. Kedua, membincangkan peranan aktiviti kesukarelawanan dalam meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa. Ketiga, mengenal pasti kerelevanan aktiviti sukarelawan terhadap masa depan mahasiswa. Hasil kajian mendapati aktiviti kesukarelawanan atau khidmat komuniti yang dijalankan oleh kursus universiti telah dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa seperti kemahiran komunikasi silang budaya, kemahiran membina hubungan dengan masyarakat dan kemahiran kerja berpasukan. Hasil kajian juga menunjukkan individu yang menjadi anggota sukarela lebih suka membantu sesama manusia, tolong-menolong, kasih sayang, ikhlas dan mempunyai jati diri yang lebih kuat. Secara keseluruhannya, aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan di IPT memberi kesan yang positif dan perlu dimantapkan dari semasa ke semasa untuk pembangunan modal insan dan kemahiran insaniah mahasiswa.

**Kata kunci:** kesukarelawanan, khidmat sosial, khidmat komuniti, mahasiswa, kemahiran insaniah.

### Abstract

*The Ministry of Education Malaysia (MOE) has launched the Public University Volunteer Project in 2017. The Volunteering Program aims to provide exposure and training for students in soft skills, personal identity and concern towards the environment. The cultivation of good values towards society by recognizing the importance of volunteering education for students is in line with the MOE's desire to make the university society-friendly. This study is conducted to highlight the importance of volunteering activities in improving soft skills in students of the*

*Higher Educational Institutions (IPT). This study uses a qualitative approach through interviews, literature review and content analysis. Interviews were conducted with ten students from Sultan Idris Education University and Kuala Lumpur Business School University. There are three objectives in this study, and the first one is to increase the understanding of the definition of volunteer, volunteers and volunteering. Second, to discuss the role of volunteering activities in improving students' soft skills. Third, to identify the relevance of volunteering activities to the future of students. The results of the study shows that volunteering activities or community service conducted by university courses have been able to improve soft skills in students such as cross-cultural communication skills, skills to build relationships with the community and teamwork skills. Being a volunteering member can cultivate the attitude of helping each other, love, sincerity and enhancing one's identity. Overall, the volunteering activities carried out at IPT are excellent which need to be improved from time to time for the human capital development and soft skills of students.*

**Keywords:** *volunteering, social service, community service, students, soft skills.*

## **Pengenalan**

Kesukarelawan merupakan salah satu tulang belakang kepada pembangunan organisasi dan negara. Tanpa semangat sukarela dan kemahiran insaniah yang tinggi dalam diri individu dan masyarakat, keseimbangan pembangunan negara dan insan tidak dapat dicapai dengan sempurna. Justeru, semangat sukarela perlu dibudayakan dalam kalangan mahasiswa kerana pada waktu ini mereka terdedah dengan persekitaran kehidupan di universiti yang memerlukan mereka untuk berdikari, mandiri dan saling membantu. Para mahasiswa perlu mempunyai akhlak dan jati diri yang tinggi agar dapat bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk tenaga dan pengetahuan. Mereka perlu diberi galakan menceburkan diri dalam melakukan aktiviti-aktiviti sukarela, tolong-menolong sesama manusia, menjaga alam sekitar, menyayangi haiwan, ikhlas dan berkorban demi kepentingan orang lain. Dalam erti kata lain, aktiviti kesukarelawanan mampu memupuk diri mahasiswa supaya siap siaga membantu komuniti dan alam selain dapat meningkatkan semangat cintakan negara.

Aktiviti atau amalan kesukarelawan di universiti kini melibatkan pelbagai organisasi seperti NGO, pertubuhan kelab dan persatuan, selain peranan universiti itu sendiri yang memperkenalkan kursus-kursus wajib berkaitan kesukarelawan seperti Kursus Kesukarelawanan, Kenegaraan, Falsafah dan Isu Semasa dan juga Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Begitu juga persatuan sukarela yang ditubuhkan oleh pihak universiti atau mahasiswa bagi mencapai matlamat untuk menjaga kebajikan, memberi khidmat ke arah kebaikan, menjaga alam sekitar, menyumbang kesejahteraan dan membantu golongan yang memerlukan seperti warga tua, gelandangan, orang kurang upaya, anak-anak istimewa dan anak yatim. Jelas bahawa aktiviti kesukarelawan tidak hanya tertakluk kepada bantuan dalam bentuk kewangan dan material sahaja, malah dalam bentuk masa, tenaga, sokongan mental dan spiritual juga.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, kajian kepustakaan dan analisis kandungan dalam mengumpul data. 20 orang mahasiswa berumur antara 20 hingga 23 tahun daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kuala Lumpur *Business School* (UBiS) telah dipilih sebagai responden kajian. Semua responden merupakan mahasiswa yang telah menyertai aktiviti kesukarelawanan dan khidmat komuniti di universiti masing-masing.

Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan *United Nations Volunteer* telah dirujuk untuk mendapatkan maklumat tentang program dan aktiviti berkaitan kesukarelawan dan kerja-kerja sosial. Sumber bertulis seperti buku dan jurnal dari dalam dan luar negara juga telah digunakan bagi memperkukuhkan kajian tentang isu yang dikaji.

## Sorotan Kajian

Sukarela didefinisikan sebagai suatu sifat atau keadaan yang tidak dipaksa, atas kemahuan sendiri dan melakukan sesuatu secara rela hati (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2020). Sukarela boleh difahami sebagai suatu sikap melakukan atau membuat sesuatu atau memberi secara sukarela, tanpa dipaksa atau dibayar untuk melakukannya (*Cambridge English Dictionary*, 2020). Kerja sukarela (*voluntary work*) atau khidmat sukarela (*voluntary service*) ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dan memberi manfaat kepada golongan sasaran (Tajul dan Aishah, 2013). Dapat disimpulkan bahawa sukarela ialah satu sikap, perbuatan atau nilai baik dalam diri manusia yang dizahirkan dengan kehendak diri sendiri dan kerelaan hati.

## Aktiviti Sukarela

Program dan aktiviti sukarela merupakan teras kepada pembangunan negara. Merujuk kepada salah satu bidang keutamaan dalam Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan telah menggerakkan modal insan terutamanya belia untuk bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai aspek modal insan serta kemahiran berasaskan kecenderungan yang dimiliki. Sebagai contoh, program 1 Malaysia *voluntourism* telah diperkenalkan pada September 2012 hingga Ogos 2015 dan sebanyak 272 aktiviti telah berjaya dilaksanakan dan melibatkan seramai 87,473 orang sukarelawan meliputi pelbagai peringkat umur yang majoritinya terdiri daripada golongan belia dan mahasiswa (Siti, 2018).

Seterusnya, sukarelawan merujuk kepada individu atau seseorang yang mempunyai minat dan terlibat dalam kegiatan sesuatu bidang dan aktiviti sukarela. Azizan (2016) berpendapat sukarelawan melakukan aktiviti sukarela dengan berbagai-bagai kaedah. Kaedah-kaedah ini meliputi khidmat nasihat, bimbingan dan kaunseling, motivasi, khidmat sosial, kerja berpasukan, penggunaan pelbagai kemahiran dan aneka terapi, sokongan proses pemulihan terapi, penggunaan teknologi dan sebagainya. Aktiviti sukarela juga melibatkan skop yang luas yang melibatkan penyertaan aktif daripada anggota masyarakat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, perlindungan haiwan, kepekaan gender, kebajikan dan lain-lain. Secara amnya, sukarelawan berperanan sebagai mediator bagi menghubungkan komuniti dengan sumber yang diperlukan serta bertanggungjawab mengurangkan diskriminasi yang wujud terhadap golongan marginal (*United Nations Volunteer*, 2018).

Selain itu, Institut Pembangunan Belia Malaysia (2012) merujuk sukarelawan sebagai orang yang melakukan sesuatu secara sukarela. Golongan belia misalnya sering terlibat dalam aktiviti ini. Keterlibatan belia dalam bidang kesukarelawanan seperti khidmat komuniti, kerja sosial, sukarelawan teknikal, sukarelawan sukan, sukarelawan penerbitan, sukarelawan seni budaya dan sebagainya dapat meningkatkan jati diri golongan itu sendiri. Anggota sukarelawan juga sangat penting dalam komuniti kerana mereka dapat menyumbang kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga (Chacon et al., 2011 & Dorsch et al., 2002). Selain itu, individu yang memberi bantuan dalam sesebuah acara sukan seperti sukan universiti, Sukan Malaysia (SUKMA), Komanwel dan Olimpik juga dianggap sebagai sukarelawan. Bagi Annarita et al. (2019), aktiviti sukarela menyumbang kepada pengurusan masa, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, meningkatkan kemahiran komunikasi rentas budaya, keupayaan mencuba sesuatu yang baharu, pengalaman melakukan kerja-kerja kebajikan serta menyumbang kepada pembentukan yang positif terhadap pasukan atau organisasi suatu pertubuhan.

Aktiviti kesukarelawan merupakan aktiviti yang sering mendapat perhatian di kebanyakan negara. Hasil kajian Sara (2017) mendapati bahawa organisasi (sektor awam dan swasta) di negara-negara Eropah akan terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh enam bulan. Aktiviti sukarela sememangnya disasarkan untuk memberi manfaat kepada orang lain sejak beberapa dekad yang lalu. Para sarjana dalam bidang kesihatan dan sains sosial telah mengaitkan kerja sukarela dengan hasil yang menyumbang kepada pengetahuan kesihatan individu seperti kesihatan diri, batasan diri, tingkah laku kesihatan seseorang, mengenali punca kemurungan dan

kematian (Brown & Brown, 2015). Dari sudut teori, aktiviti sukarelawan dapat meningkatkan akses kepada sumber-sumber psikologi seperti meningkatkan harga diri, menyatukan sumber-sumber sosial, integrasi sosial, mendapat akses kepada sokongan dan maklumat serta memberi kesan positif kepada kesihatan manusia. Selain itu, aktiviti sukarelawan dapat meningkatkan kekuatan fizikal dan kognitif yang melindungi manusia daripada penurunan fungsi dan demensia pada usia tua kerana diri sentiasa kekal cergas dan aktif (Anderson et al., 2014).

Kesukarelawan adalah kerja-kerja amal yang dijalankan individu, kumpulan atau organisasi bukan berteraskan keuntungan terhadap golongan yang memerlukan bantuan (Kunle, 2015 & Nancy et al., 2011). Kesukarelawan adalah kegiatan sukarela bersifat altruistik yang dilakukan oleh sukarelawan atau relawan seperti menyediakan perkhidmatan tanpa mengharapkankan keuntungan. Lazimnya, mereka ini memberi manfaat kepada individu, kumpulan atau organisasi lain. Altruistik bermaksud sikap lebih mengutamakan kebahagiaan dan kebajikan orang lain daripada kebahagiaan dan kebajikan diri sendiri. Sikap seperti ini bertujuan membantu orang lain yang memerlukan bantuan atau sokongan.

Pada dasarnya, ramai sukarelawan terdiri daripada individu yang dilatih atau mahir secara khusus (profesion) dalam bidang-bidang yang diceburi seperti perubatan, pendidikan, keselamatan, kecemasan, latihan, kemahiran dan lain-lain khidmat asas yang diperlukan. Misalnya, dalam tindak balas terhadap pengurusan bencana seperti situasi merawat pesakit jangkitan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memohon bantuan daripada masyarakat yang berkemahiran untuk menjahit baju PPE (*Personal Protective Equipment*) untuk digunakan oleh doktor, jururawat dan petugas-petugas hospital. Hal ini telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak yang sudi menjadi sukarelawan dengan berbakti kepada negara melalui sumbangan kemahiran, material dan tenaga dalam penghasilan pakaian lengkap PPE. Individu yang terlibat kebanyakannya ialah pereka-pereka fesyen tempatan, penghuni Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP), suri rumah dan banduan penjara Kajang. Menurut Azizan (2016), aktiviti sukarelawan berperanan menjaga kesejahteraan masyarakat dan penyambung kepada ketamadunan manusia. Individu yang melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan adalah mereka yang mempunyai keprihatinan sosial, semangat juang yang tinggi, penyayang, cintakan keamanan, menyayangi alam sejawat dan sanggup berkorban untuk kebaikan dan kebajikan orang lain.

### **Kemahiran Insaniah**

Keperluan kemahiran insaniah merupakan aspek penting yang dinilai dalam dunia pekerjaan. Pekerja paling berharga dalam organisasi adalah mereka yang mempunyai gabungan kecekapan kemahiran insaniah "*soft skill*" dan kemahiran keras "*hard skill*" (Griffith dan Hoppner, 2013). Namun, kajian ini hanya menfokuskan kepada aspek kemahiran insaniah sahaja. Penilaian kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif, iaitu kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Menurut Susan dan Julia (2019), kemahiran insaniah merupakan elemen yang sangat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global serta pesat dengan perubahan teknologi. Berikut adalah tujuh elemen utama kemahiran insaniah:

- i. kemahiran berkomunikasi
- ii. pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
- iii. kemahiran kerja berpasukan
- iv. pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
- v. kemahiran keusahawanan
- vi. etika dan moral profesional
- vii. kemahiran kepimpinan

Menurut Albina (2017), berpendidikan tinggi tidak semestinya memiliki semua pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada masa kini. Kemahiran peribadi dan interpersonal yang disebut sebagai kemahiran insaniah juga diperlukan untuk melengkapkan kemahiran berdasarkan keperluan semasa, mengembangkan kepakaran profesional serta menjadi sebahagian aspek penting

dalam diri seseorang. Salah satu cara memperoleh kemahiran insaniah adalah melalui aktiviti-aktiviti sukarela yang dianjurkan oleh persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO). Aktiviti dan tugas yang diberikan membolehkan individu mempelajari pengurusan program, memahami persekitaran, menyelesaikan masalah, mengaplikasikan teknologi dan sebagainya. Kajian Albina (2017) menunjukkan aktiviti "bukan profesional" seperti menjadi sukarelawan perlu dimasukkan dalam proses pembelajaran untuk membentuk mahasiswa yang lebih aktif, tahan lasak dan relevan. Selain itu, pembelajaran melalui tindakan merupakan faktor penting dalam membentuk kemahiran insaniah dalam diri manusia.

Kajian Shaheen et al., (2019) menegaskan bahawa kemahiran insaniah penting ketika ingin mendapatkan pekerjaan dan selepas mendapat pekerjaan. Kemahiran insaniah membantu menghasilkan kerjaya yang lebih baik, produktif dan mencapai kepuasan hidup. Kebolehan dalam pelbagai kemahiran baik untuk pembangunan kerjaya diri dan organisasi. Kemahiran insaniah penting untuk melahirkan sikap yang positif, komunikasi lisan yang efektif, memantapkan motivasi diri dan arahan sendiri serta keupayaan menyelesaikan masalah. Selain itu, majikan juga mengharapkan graduan mempunyai kemahiran yang berkaitan dengan sikap yang positif, kerja berpasukan, etika yang baik, kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan mampu menyelesaikan masalah apabila berhadapan dengan sebarang kemungkinan sewaktu bekerja. Dalam erti kata lain, kemahiran insaniah di tempat kerja merangkumi kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, motivasi, penyelesaian masalah, kekuatan dan kepercayaan (Chin et al., 2015). Selain untuk pekerjaan, kemahiran insaniah juga penting untuk berjaya dalam bidang perniagaan (Levant et al., 2016).

Bagi Komla Tsey et al. (2018), kemahiran insaniah seperti kemahiran pengurusan di tempat kerja perlu selalu dipertingkatkan. Hal yang demikian kerana kemahiran insaniah mampu melahirkan pengurus dan pemimpin yang lebih cekap selain dapat memperkasakan organisasi masing-masing. Cabaran dalam dunia pekerjaan masa kini memerlukan pengurus dan pemimpin mempunyai pelbagai kemahiran dan kekuatan untuk mengembangkan fokus serta keterampilan seperti pengurusan waktu, mendahulukan keutamaan, pemikiran strategik, kebolehan membuat keputusan, mengurus perubahan, mengurus pekerja dan prestasi pekerja yang efektif di tempat kerja (Reece dan Reece, 2016; Whetten dan Cameron, 2014). Kemahiran insaniah jelas merangkumi pemikiran yang disokong oleh kualiti manusia seperti kreativiti, semangat, tanggungjawab, kebaikan, keberanian, dan kesedaran diri (Wheeler, 2016). Tambah Yan et al., (2018), kemahiran yang dapat dipertingkatkan dalam diri seseorang merangkumi kemahiran yang dipelajari melalui pembelajaran sendiri, pengalaman kerja, pendidikan dan melalui latihan. Dalam konteks pertuturan bahasa asing misalnya, latihan, pembelajaran, penguasaan dan seterusnya memiliki sijil atau ijazah membolehkan seseorang mahir dalam bahasa yang ingin dikuasai.

Kajian Faraazlina dan Zunurain (2018) mendapati bahawa tahap dan kemahiran insaniah yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap mahasiswa adalah melalui aktiviti khidmat masyarakat. Hasil kajian kedua-duanya telah mengenal pasti lima elemen kemahiran insaniah yang diperoleh mahasiswa selepas mengikuti aktiviti khidmat masyarakat, iaitu kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepemimpinan, etika dan moral profesional serta kemahiran keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam khidmat masyarakat sangat tinggi, iaitu 3.70 daripada 4.00. Selain itu, elemen yang paling dominan adalah etika dan moral profesional berbanding elemen kemahiran insaniah yang lain.

Seterusnya, Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) adalah pendekatan pedagogi yang dapat meningkatkan tanggungjawab sosial pelajar. CSR boleh didefinisikan dalam empat aspek utama, iaitu aktiviti yang mempromosikan pembelajaran pelajar melalui penyertaan aktif dalam perkhidmatan yang teratur, menghubungkan masyarakat dan institusi pengajian tinggi, memupuk tanggungjawab sivik dan disatukan dalam kurikulum akademik yang merangkumi masa untuk refleksi berstruktur (Corporation of National Service, 1996). Aktiviti CSR mendapat sambutan yang baik di peringkat pengajian tinggi. Aktiviti CSR melibatkan pembelajaran secara langsung, iaitu para pelajar dikehendaki menangani keperluan manusia dan masyarakat (Oscar, 2017). CSR adalah pembelajaran berdasarkan kepada pengalaman dan proses pemindahan pengetahuan.

Matlamat utama CSR adalah untuk mempromosikan tanggungjawab sivik dan keadilan sosial melalui pengalaman yang sah, menjadi pemikir serta aktivis yang kritikal. Program CSR berpotensi membantu pelajar mengembangkan pemahaman tentang keadaan sosial yang dihadapi oleh orang lain.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa akitiviti kesukarelawan mempunyai kepentingan dan kesan yang positif kepada mahasiswa dari pelbagai aspek. Manfaat tersebut akan dijelaskan satu persatu dalam perbincangan seterusnya supaya analisis lebih mudah difahami.

### Kesukarelawan Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa

Kemahiran Insaniah atau *soft skills* merangkumi kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif, iaitu berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai-nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan pembelajaran berterusan. Hasil temu bual yang telah dilakukan mendapati bahawa mahasiswa bersetuju aktiviti kesukarelawan yang dijalankan oleh universiti awam dan swasta merupakan satu inisiatif yang baik kerana dapat mendidik mahasiswa untuk saling membantu sesama manusia;

*Aktiviti sukarela perlu diterajui oleh pelajar dari semasa ke semasa, ianya perlu dididik sejak di bangku sekolah lagi.*

*Mahasiswa perlu mengamalkan nilai-nilai murni terhadap masyarakat yang memerlukan seperti warga emas dan golongan OKU.*

*Mahasiswa boleh menyumbang bakti kepada masyarakat dengan mengikuti program-program khidmat sosial yang dianjurkan oleh universiti seperti membersihkan masjid, lawatan ke rumah orang tua dan gotong royong di rumah anak yatim.*

(Mahasiswa UPSI, 2020)

*Sikap sukarela perlu menjadi amalan dalam kehidupan manusia seperti sikap tolong menolong dan gotong royong. Sikap ini perlu menjadi amalan bermula dari dalam rumah agar anak-anak membesar seiring dengan budaya yang diamalkan.*

*Sikap tolong menolong sesama manusia adalah satu ibadah dan merupakan sifat mulia. Misalnya, memberi makanan kepada gelandangan dan memberi semangat kepada meraka.*

*Melalui aktiviti khidmat komuniti, saya mendapat banyak manfaat dan pengalaman baru, iaitu berkaitan tingkah laku manusia dan persekitaran.*

*Khidmat komuniti memperkasakan pelbagai kemahiran pengurusan seperti cara mengurus masa, logistik, berkomunikasi dan pengurusan sumber (tenaga, makanan, kepakaran) untuk disumbang kepada golongan sasaran.*

*Alam sekitar juga memerlukan kerjasama manusia untuk menjadikannya lebih cantik dan bersih. Justeru, aktiviti membersihkan tempat-tempat awam seperti pusat rekreasi, taman, sungai, pantai dan air terjun perlu terus dilakukan oleh masyarakat dan mahasiswa.*

(Mahasiswa UBiS, 2020)

Individu yang menjadi sukarelawan pada usia muda lazimnya mempunyai ibu bapa yang terlibat secara aktif dalam kerja-kerja amal serta mempunyai pegangan agama yang kuat. Hal tersebut secara tidak langsung telah mempengaruhi diri anak-anak sejak kecil dan menjadi amalan apabila dewasa. Selain itu, individu yang mempunyai nilai "*charity*" yang tinggi didapati lebih bersedia menjadi sukarelawan berbanding dengan individu yang memberi keutamaan terhadap nilai kewangan semata-mata (Tharshini dan Fauziah, 2019). Pandangan ini sama seperti yang dijelaskan oleh Rokach et al. (2009) bahawa individu yang aktif dalam keagamaan atau mempunyai pegangan agama yang kuat

dikatakan mempunyai sikap yang lebih positif, sentiasa memberi keutamaan untuk membantu orang lain serta mudah berasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain.

Kemahiran insaniah merupakan elemen yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan. Kemahiran insaniah perlu disesuaikan mengikut perubahan misalnya penggunaan ICT dalam proses pendidikan dan penyelidikan di universiti yang memerlukan penguasaan terhadap pelbagai kemahiran berkomputer dan teknologi maklumat. Kemahiran insaniah perlu diterapkan di semua universiti sama ada universiti awam atau swasta kerana kemahiran tersebut dapat menyediakan bakal graduan yang memiliki kompeten, berketerampilan dan mampu bersaing dalam era global masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh mahasiswa, iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan (KPM, 2006).

Selain itu, pihak KPM telah menyarankan universiti awam supaya menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum. KPM telah mengelaskan aktiviti kokurikulum kepada lapan teras utama, iaitu teras kesukarelawanan, teras kebudayaan, teras sukan, teras kepimpinan, teras pengucapan awam, teras daya usaha dan inovasi, teras keusahawanan serta teras khidmat komuniti (Portal Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM, 2018 dan Ridzuan, 2015). Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh mahasiswa masa kini untuk membantu mereka menjadi insan yang lebih berani ketika di alam pekerjaan kelak. Penerapan kemahiran insaniah pada dasarnya telah dijalankan sejak di bangku sekolah lagi dan seterusnya digilap di peringkat sekolah menengah dan seterusnya di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT). Kesinambungan aktiviti ini amat penting bagi menjamin perkembangan kemahiran insaniah secara berterusan dalam diri pelajar dan mahasiswa.

Pada masa kini, pencapaian akademik sahaja tidak lagi menjamin mahasiswa untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Hal yang demikian kerana keperluan majikan kini lebih bersifat holistik dan persaingan antara individu yang memiliki pelbagai kemahiran juga merupakan cabaran untuk merebut peluang pekerjaan. Majikan tidak lagi melihat pencapaian akademik semata-mata ketika menemu duga calon sebaliknya turut mengambil kira kemahiran insaniah (*soft skills*) sebagai kriteria tambahan bakal pekerjanya. Mempelajari dan menguasai pelbagai kemahiran merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat. Proses ini perlu dimulakan sedari kecil lagi contohnya ibu bapa mengajar adab berkomunikasi dengan orang tua, menghormati, tolong-menolong dan kerjasama kepada anak-anak mereka. Proses ini akan membantu anak-anak membuat persediaan kerana kejayaan tidak bergantung kepada kelulusan akademik semata-mata malah kemahiran insaniah juga yang diperoleh daripada pengalaman yang dilalui setiap hari juga menjadi kayu ukur dalam menentukan kejayaan seseorang. Secara umumnya, kemahiran insaniah atau *soft skills* mempunyai maksud yang luas. Namun pada dasarnya, kemahiran insaniah dikaitkan dengan personaliti individu, bijak berkomunikasi, pandai mendapatkan kenalan, berdaya tahan dan berinovatif (Portal Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM, 2018).

### **Kerelevanan Aktiviti Kesukarelawanan di Malaysia dan Antarabangsa**

Hubungan antara aktiviti kesukarelawan dengan kemahiran insaniah dapat meningkatkan kemahiran komunikasi silang budaya seperti komunikasi mahasiswa dengan warga emas dan kanak-kanak, kemahiran membina hubungan seperti hubungan mahasiswa dengan keluarga miskin, kemahiran kolaborasi seperti hubungan mahasiswa dengan NGO atau pertubuhan, serta kemahiran kerja berpasukan seperti pengurusan masa, tenaga dan bantuan. Kemahiran-kemahiran ini dapat menjadi bekalan untuk digunakan dalam kehidupan seharian dan pada masa akan datang.

Hasil temu bual bersama mahasiswa UPSI dan UNIKL *Business School* menunjukkan 16 responden bersetuju kursus kesukarelawanan dan khidmat komuniti di IPT perlu diteruskan sama ada melalui implimentasi dalam kursus universiti seperti subjek kesukarelawanan, khidmat sosial atau khidmat komuniti, atau tanggungjawab sosial sebagai manusia. Responden juga berpendapat aktiviti sukarela dan khidmat sosial dapat memupuk nilai-nilai murni dan menguatkan semangat kerja

berpasukan dalam diri mahasiswa. Selain itu, terdapat dua orang responden (UPSI) yang beranggapan sikap sukarela bukan hanya perlu dibudayakan oleh IPT sahaja namun perlu menjadi amalan dalam kehidupan seharian mahasiswa itu sendiri seperti membantu rakan sekolej, membantu ibu bapa di rumah, memberi makanan kepada kucing dan anjing jalanan serta mengutip sampah demi menjaga alam sekitar. Sungguhpun demikian, terdapat dua orang responden (UBiS) menjawab tidak pasti berkenaan kerelevanan kursus kesukarelawanan dan aktiviti khidmat sosial mampu memberi impak kepada kemajuan diri.

Aktiviti kesukarelawanan di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu aktiviti jangka masa pendek, iaitu mereka yang melakukan kerja sukarela secara sekala (*one-off*) dalam jangka masa pendek, dan sukarelawan yang melakukan kerja sukarela secara konsisten dalam jangka masa panjang dan berterusan serta menganggap aktiviti kesukarelawanan ini sebagai suatu tugas (Azizan, 2016). Sukarelawan mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat. Sekiranya sukarelawan berkhidmat di bawah pertubuhan atau agensi tertentu, maka segala dasar dan polisi harus dipatuhi selain perlu menghormati privasi pihak-pihak tertentu terutamanya klien yang perlu dilindungi seperti remaja yang bermasalah atau mangsa keganasan rumah tangga. Oleh sebab itu sesetengah organisasi mengenakan syarat yang ketat dalam proses pengambilan sukarelawan.

Selain itu, amalan kesukarelawanan mampu memupuk diri mahasiswa supaya bersiap siaga mengutamakan kepentingan komuniti berbanding kepentingan diri. Mahasiswa juga perlu bersedia mengukuhkan jati diri seperti kerja keras dan sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki apabila setiap kali melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan dan khidmat sosial. Sebagai contoh, penyaluran bantuan keperluan asas kepada golongan miskin, menyantuni warga emas dan golongan yang kurang berupaya atau orang tidak sihat akan memberi rasa empati dan keinsafan dalam diri sukarelawan. Melalui Dasar Belia Negara 2015, kerajaan menuntut semangat kesukarelawanan harus dipupuk dalam diri setiap rakyat Malaysia khususnya golongan belia. Hasil kajian Siti et al., (2018) menyatakan tindakan telah disusun melalui perkongsian dalam pembangunan yang menumpukan jaminan kesediaan untuk memberi dengan ikhlas demi kejayaan dan kebahagiaan bersama. Bagi golongan belia di IPT, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) membuka ruang kepada lebih 1.3 juta pelajar di seluruh Malaysia untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan, kemanusiaan dan solidariti di seluruh dunia dengan merekrut, melatih dan menghantar mahasiswa terpilih sebagai sukarelawan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Usaha gigih badan kerajaan turut diperkasa melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menawarkan Program Kesukarelawanan Mahasiswa, iaitu '*Volunteer to Institution*' (V2i) pada tahun 2016. Pelaksanaan program V2i adalah lebih tersusun dengan bantuan modul kesukarelawan oleh JKM. Pelajar universiti akan dilatih terlebih dahulu sebelum diserap masuk ke dalam program V2i supaya sukarelawan mempunyai kemahiran yang relevan dengan kumpulan sasar berkaitan. Oleh yang demikian, profil bagi setiap sukarelawan amat diperlukan bagi memudahkan proses merekrut dan seterusnya membentuk sukarelawan itu sendiri. Kajian ini turut mengetengahkan salah satu pusat kesukarelawanan di peringkat kerajaan, iaitu *Volunteer Activity Centre* (V@C) yang merupakan sebuah tempat yang disediakan kepada Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengadakan perjumpaan dan perbincangan dalam membuat perancangan, penyusunan dan gerakan aktiviti kesukarelawanan (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Fasilitas ini juga berperanan sebagai pusat yang membekal sumber maklumat dan bahan rujukan berkaitan dengan perkhidmatan jabatan khususnya dalam kerja-kerja kesukarelawanan secara menyeluruh, sistematik serta berkesan dalam usaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam kerja-kerja sukarela. Konsep penubuhan dan pengoperasian V@C adalah berteraskan kepada beberapa elemen, iaitu Sukarelawan JKM akan menjadi penggerak utama dalam mengaktifkan V@C sebagai pusat sehati (*one stop centre*) yang berkaitan dengan aktiviti kesukarelawanan dalam komuniti setempat.

Selain itu, di peringkat komuniti setempat, Sukarelawan JKM berperanan sebagai rakan strategik utama kepada V@C untuk bersama-sama merangka dan merancang pelaksanaan program dalam komuniti berkenaan. Anggota jawatankuasa dan keahlian V@C juga merupakan individu dalam komuniti yang sama dan akan bekerjasama dengan Sukarelawan JKM untuk menimba ilmu



pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti sosial, agama, kesihatan, sukan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Penubuhan pusat ini juga bertujuan memupuk intergenerasi, iaitu menyediakan ruang kepada pelbagai peringkat generasi untuk saling membantu antara satu sama lain ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Jelas bahawa usaha ini merupakan satu program yang menggabung jalinan antara Sukarelawan JKM dengan kumpulan sasaran khususnya warga emas, kanak-kanak, remaja, orang kurang upaya dan sebagainya.

Seterusnya, penubuhan *Community Based Integrated Care System* (CBICS). CBICS merupakan satu bentuk tanggungjawab atau peranan yang dianggotai oleh komuniti untuk menyelesaikan permasalahan, meningkatkan keupayaan dan membentuk kerjasama dalam persekitaran mereka. V@C akan menjadi tempat rujukan kepada komuniti untuk melaksanakan kerja-kerja sukarela kepada masyarakat, manakala Sukarelawan JKM berperanan sebagai penggalak dan penggerak dalam menjayakan program dan aktiviti yang diperlukan (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016 dan 2021). Situasi ini dianggap sebagai satu kitaran bersambungan dan membentuk jaringan sosial yang saling membantu antara satu sama lain.

Di peringkat antarabangsa, *United Nation* (UN) atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) turut mempunyai pertubuhan sukarela yang dinamakan *United Nation Volunteers* (UNV). Pertubuhan ini berperanan menyumbang keamanan dan pembangunan melalui amalan kesukarelawanan di seluruh dunia (*United Nation Volunteers*, 2020). UNV juga bekerjasama dengan rakan-rakan pertubuhan serantau mengintegrasikan sukarelawan yang bermotivasi tinggi dan menyokong UNV dalam program-program pembangunan dan mempromosikan nilai-nilai kesukarelawan secara global. Ibu pejabat UNV berada di Bonn, Jerman dan kini UNV mempunyai 8,500 orang sukarelawan yang sedang berada di lapangan dalam misi bantuan dan kemanusiaan di seluruh dunia. Sukarelawan UNV bekerja di 130 buah negara yang mempromosikan keamanan, membantu negara yang menghadapi bencana alam, memberdayakan masyarakat melalui pendidikan asas seperti di pedalaman Afrika, membantu membangun mata pencarian yang mampan dan pembangunan yang berkekalan seperti saliran dan sumber air bersih bagi negara-negara terjejas oleh bencana atau kemiskinan.

Sukarelawan UN mempunyai latar belakang profesional sama ada dari aspek kepakaran dan pengetahuan luas supaya dapat menjadi pemangkin kepada perubahan positif di negara-negara lapangan. *United Nation Volunteers* mempunyai enam pejabat serantau seperti di Amman (meliputi negara Arab), Bangkok (meliputi Asia dan Pasifik), Dakar (meliputi Afrika Barat dan Tengah), Istanbul (meliputi Eropah dan Komanwel Negara Bebas), Nairobi (meliputi Timur dan Selatan Afrika) dan Panama City (merangkumi Amerika Latin dan Caribbean). Pejabat serantau adalah pintu masuk pertama bagi rakan-rakan yang ingin menjadi ahli UNV. UNV menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian kepada rakan kongsi kerajaan, entiti-entiti *United Nation*, masyarakat sivil, sektor swasta dan memberi bimbingan dan khidmat nasihat tentang infrastruktur sukarela. UNV juga memberi pengawasan dan panduan strategik untuk unit-unit lapangan di wilayah-wilayah tersebut. Dapat dirumuskan bahawa pertubuhan sukarela bukan sahaja penting di dalam negara malah ianya telah berkembang pesat di peringkat antarabangsa melalui pelbagai fungsi.

### **Khidmat Sosial atau Komuniti dan Pengaruh Dalam Masyarakat**

Berdasarkan kajian Meltzer dan Saunders (2020), masa dewasa atau muda adalah masa seseorang mengalami banyak transisi perubahan dan pengalaman. Di peringkat individu, usia belia adalah tempoh penting terhadap perkembangan identiti, menguatkan jati diri, membuat keputusan formatif seperti memilih pendidikan, pekerjaan, pasangan, menentukan masa depan, aspirasi, hubungan dan pandangan dunia. Dalam konteks sosial, kebimbangan individu terhadap khidmat komuniti melambangkan sikap keprihatinan individu tersebut atau kumpulan anggota masyarakat terhadap masyarakat lain yang menghadapi masalah (Skallerud dan Wien 2019). Kebimbangan sosial ini melibatkan keinginan untuk membantu orang lain agar mereka boleh mengatasi masalah atau mengurangkan tekanan semasa.

Khidmat sosial, khidmat komuniti dan kerja sukarela menggambarkan usaha dan tugas yang perlu dilakukan (Khanitta et.al, 2019). Ketiga-tiganya melibatkan aktiviti kemasyarakatan dan memberi

tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup manusia yang memerlukan atau berada dalam kesusahan. Kerja khidmat sosial secara berpasukan dalam kalangan masyarakat atau komuniti dapat membantu meningkatkan pembangunan masyarakat, memperkuat masyarakat setempat dan rangkaian mereka (Hengboonyapan 2017). Menurut Mersky et al., (2017), khidmat sosial adalah satu bidang kerja yang murni, contohnya penglibatan doktor dan jururawat yang bertugas di luar waktu bekerja dengan memberi khidmat sosial kepada komuniti tanpa bayaran seperti pemeriksaan asas kesihatan dan khidmat nasihat. Mereka yang terlibat dalam khidmat sosial secara rutin seperti ini terdedah kepada masalah individu dan masyarakat. Oleh itu, individu tersebut perlu menjalani latihan untuk membentuk jati diri yang cecal, memupuk kerjasama dan berdisiplin dalam menangani masalah yang kompleks.

Seterusnya, penglibatan masyarakat awam dalam kerja sukarela telah lama dipraktikkan di negara-negara Eropah, iaitu di negara maju, kaya, mempunyai pemikiran yang matang, sumber kewangan yang kukuh, tenaga dan masa. Berdasarkan kajian Reznik (2016), kekerapan penglibatan organisasi pekerjaan terhadap aktiviti sukarela atau kerja khidmat sosial di negara-negara Eropah berbeza mengikut tahap pembangunan sosial negara masing-masing dan sikap motivasi individu itu sendiri. Negara dengan kekerapan paling tinggi dalam melakukan aktiviti sukarela dan khidmat sosial untuk masyarakat ialah Austria, Switzerland, Jerman, Denmark, Perancis, Inggeris, Belanda, Norway, dan Finland. Tambah Reznik (2016), faktor yang mempengaruhi keterlibatan individu terhadap kerja sukarela dan sikap suka membantu orang lain adalah disebabkan peranan keluarga, rakan-rakan, organisasi pekerjaan dan organisasi sukarela.

Menurut Greene dan Kropf (2009) pula, khidmat sosial dalam aktiviti kesukarelawanan adalah salah satu cara atau proses transaksi timbal balas. Misalnya, seseorang yang secara sukarela belajar perkara baru akan berasa selesa dan berasa diperlukan. Bagi individu yang menerima bantuan daripada pertubuhan sukarela pula, mereka akan mendapat manfaat melalui perkhidmatan yang diberikan contohnya mengetahui bahawa mereka merupakan individu yang penting bagi orang lain dan menyedari bahawa mereka masih dihargai oleh orang lain. Organisasi dan agensi perniagaan yang menyediakan peluang untuk aktiviti sukarela juga mendapat manfaat yang tersendiri seperti dapat menjana pekerja yang positif, cergas, melatih sikap baik dan membentuk nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan pekerja. Dari perspektif komuniti, sikap sukarela boleh mengubah cara individu berfikir tentang orang lain, memberi contoh budaya baik, memupuk sikap kebersamaan dan kepercayaan dalam kalangan ahli komuniti. Dengan kata lain, aktiviti kesukarelawanan mewujudkan peluang untuk mempelbagaikan input dan output serta penting untuk meningkatkan kebaikan dalam menjana pelbagai kemahiran insaniah.

Situasi di Malaysia sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada Mac 2020 akibat penularan wabak Pandemik COVID-19 menunjukkan mahasiswa IPTA dan IPTS turut terkesan dengan keadaan tersebut. Pada peringkat awal, mahasiswa tidak dibenarkan pulang ke rumah atau kampung halaman masing-masing serta pelbagai sektor perniagaan diarah tutup. Rentetan daripada situasi tersebut, universiti awam dan swasta melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) telah membantu menyediakan keperluan asas seperti makanan harian dan menguruskan kebajikan para mahasiswa. Pihak swasta dan NGO turut berganding tenaga memberi bantuan contohnya *Boon Lee Food Industries Sdn Bhd* dengan Persatuan Aixin dan *MAB Officials Team* telah menghantar pelbagai produk makanan keluaran syarikat masing-masing, menyumbang makanan ringan, penutup hidung dan mulut serta cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) kepada mahasiswa di beberapa buah IPT seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (*MyMetro*. 2020, 3 April). Sumbangan ini sebagai menyokong usaha kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap golongan mahasiswa dan bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat. Jelas bahawa situasi yang melanda negara telah membina hubungan yang erat antara universiti, pihak swasta dan NGO dalam aktiviti kesukarelawanan dan menjadi motivasi terhadap program-program kebajikan lain.

### **Manfaat Kesukarelawanan Terhadap Masa Depan**

Keterlibatan mahasiswa mahupun belia dalam bidang kesukarelawanan seperti khidmat komuniti, khidmat sosial, khidmat teknikal, sukan, penerbitan, seni budaya dan sebagainya dapat meningkatkan pembangunan modal insan (Hasnuddin et al., 2018). Keterlibatan sebagai sukarelawan daripada mahasiswa berbilang kaum pada masa kini sememangnya dituntut oleh negara memandangkan hal ini mencerminkan kekuatan masyarakat, semangat patriotisme dan boleh menguatkan perpaduan kaum tanpa mengira bangsa dan agama.

Sumbangan masa dan tenaga untuk membantu orang lain dapat melahirkan perasaan puas, selamat dan bahagia (*Habitat for humanity* 2019). Melalui ehsan yang dilakukan, hasil kerja dapat diperoleh dengan kadar segera seperti bekerjasama mengecat rumah anak yatim dapat menghasilkan dinding rumah yang berseri dan ceria. Selain itu, aktiviti gotong-royong di taman rekreasi akan menjadikan kawasan tersebut bersih dan tenang untuk beriadah. Malahan juga, aktiviti kesukarelawanan yang dilakukan bersama-sama masyarakat setempat dapat mengeratkan hubungan sosial dan seterusnya konsep silaturahim dan perpaduan ummah dapat dipateri dalam kehidupan. Seterusnya, pengalaman yang dimiliki melalui aktiviti kesukarelawan dapat membantu mahasiswa bersedia ke medan baru, iaitu apabila memasuki alam pekerjaan. Mahasiswa akan terdedah dalam amalan sukarela atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang lazimnya dianjurkan oleh badan berkanun atau korporat sebagai tanggungjawab sosial dalam sesebuah institusi terhadap masyarakat awam. Tambahan juga, sektor awam dan swasta di Malaysia mahupun antarabangsa turut menjalankan tanggungjawab sosial sama ada bersifat bulanan atau berkala sepanjang tahun.

Arthur dan Ness (2013) menyatakan bahawa penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanan mampu menonjolkan diri dan menjadi kredit tambahan yang boleh digunakan sewaktu memohon pekerjaan. Bagi Brewis et al., (2010) pula, aktiviti sukarela atau menjadi sukarelawan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal, membantu mahasiswa mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya, menghindar diri daripada terjebak dalam masalah sosial seperti budaya lepak, jenayah, kegiatan dadah dan sebagainya. Hal yang demikian kerana sukarelawan perlu membimbing, membantu dan memulihkan individu yang bermasalah, maka sukarelawan itu sendiri perlu mempunyai nilai-nilai keperibadian positif yang tinggi. Menurut Azizan (2014), gabungan kerjasama dan pendekatan yang dilakukan oleh komuniti sukarelawan seperti pihak kerajaan, gerakan belia, pertubuhan sukarela, media, institusi agama dan komuniti, rukun tetangga dan sebagainya sememangnya telah banyak membantu masyarakat yang berhadapan dengan masalah sosial dan ekonomi.

Selain itu, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan memberi ruang kepada sukarelawan memelihara kepentingan dan kesejahteraan awam dalam pelbagai komuniti tempatan. Sebagai sukarelawan, ciri-ciri yang dituntut dalam khidmat sukarela adalah sikap rendah diri, bersedia untuk menyumbang, persepsi dan personaliti yang positif terhadap golongan yang ingin dibantu, faham tentang konsep kesukarelawanan, bermotivasi tinggi, berkeinginan tinggi untuk belajar dan tidak mudah berasa kecewa sekiranya bantuan atau pertolongan tidak mendapat pengiktirafan golongan yang dibantu mahupun masyarakat (Azizan, 2016).

## **Kesimpulan**

Semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa perlu dipupuk sejak awal dan berterusan, iaitu bermula dari peringkat sekolah, sekolah menengah dan seterusnya di peringkat pengajian tinggi. Elemen ini akan menjadi batu asas untuk melahirkan warganegara yang prihatin, bertanggungjawab, saling membantu tanpa mengira agama, kaum dan warna kulit. Malahan juga, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti sukarela membantu menguatkan jati diri, meningkatkan kemahiran insaniah, memupuk semangat kerjasama dalam membantu golongan yang memerlukan, dan membudayakan sifat tolong-menolong dalam masyarakat. Nilai-nilai murni seperti ini perlu sentiasa dipupuk dalam diri mahasiswa bukan sahaja untuk mencapai kecemerlangan akademik, malah bagi membentuk individu berakhlak mulia sekali gus melahirkan generasi modal insan yang terbaik buat negara. Bagi menyokong usaha ini, maka aktiviti kesukarelawanan dan penguasaan kemahiran insaniah di peringkat universiti memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk ibu bapa, keluarga, organisasi, rakan-rakan,

NGO dan pertubuhan sukarelawan bagi memastikan mahasiswa memiliki sahsiah terpuji, berketerampilan dan mempunyai kemahiran untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara kelak.

Rumusannya, kesukarelawanan adalah kerja-kerja sukarela yang dilakukan oleh sukarelawan untuk membantu individu lain yang memerlukan bantuan tanpa mengharapkan keuntungan atau balasan. Kemahiran insaniah atau *soft skills* pula merupakan kemahiran yang perlu ada dalam diri setiap mahasiswa melalui penguasaan kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif, iaitu kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan pembelajaran berterusan. Nilai insaniah ini perlu diterapkan dan diamalkan melalui aktiviti-aktiviti sukarela, kebajikan, khidmat sosial dan khidmat komuniti di Institut Pengajian Tinggi.

Sehubungan dengan itu, sumbangan masa dan tenaga untuk menyokong kerja-kerja yang bukan bersifat keuntungan mempunyai banyak manfaat seperti mampu mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat awam selain dapat menguatkan pegangan agama. Oleh yang demikian, semangat kesukarelawan perlu dibudayakan dalam kalangan mahasiswa supaya sikap saling membantu sesama manusia dan penguasaan pelbagai kemahiran akan menjadi salah satu kekuatan dalam diri. Tambahan juga, majikan masa kini tidak hanya melihat kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata untuk menawarkan peluang pekerjaan, malah turut mengambil kira kemahiran insaniah sebagai nilai tambah bagi setiap individu.

## Rujukan

- Albina Khasanzyanova. (2017). How volunteering helps students to develop soft skills. *International Review of Education*, 63(3), 363-379.
- Anderson, N. D, Damianakis, T. Kröger, E. Wagner, L.M, Dawson, D.R & Binns M.A. (2014). The benefits associated with volunteering among seniors: a critical review and recommendations for future research. *Psychol Bull*, 140, 1505-1533.
- Annarita Colasante, Aurora García-Gallego, Nikolaos Georgantzis & Andrea Morone. (2019). Voluntary contributions in a system with uncertain returns: a case of systemic risk. *Journal of Economic Interaction and Coordination*, 15, 11-132. <https://doi.org/10.1007/s11403-019-00276-z>.
- Arthur, M. A. & Ness, A.B. 2013. *Skills-Based Volunteering: The New Executive Training Ground*. Stanford Social Innovation Review. [https://ssir.org/articles/entry/skills\\_based\\_volunteering\\_the\\_new\\_executive\\_training\\_ground](https://ssir.org/articles/entry/skills_based_volunteering_the_new_executive_training_ground).
- Azizan Bahari. (2014). *Permasalahan sosial remaja belia: Usaha menanganinya melalui pendekatan kerja komuniti*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawanan*. Kangar: Pustaka Qarya.
- Azrina Mazlin & Vishalache Balakrishnan. (2016). Impak Kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25-43.
- Brown, S.L. & Brown, R.M. (2015). Connecting prosocial behavior to improved physical health: contributions from the neurobiology of parenting. *Neurosci Biobehav Review*, 55, 1-17.
- Corporation for National Services (January, 1996). *Expanding Boundaries: Serving and Learning*. Columbia, MD: Cooperative Education Association.
- Chacon, F., Perez, T., Flores, J. & Vecina, L.M. (2011). Motives for volunteering: categorization of volunteers' motivations using open-ended questions. *Psychology In Spain*, 15(1), 48-56.
- Chin, S., Anantharaman, R., & Tong, D. (2015). Emotional intelligence and organisational performance: A framework. *Global Business & Management Research*, 7, 37-43.
- Dorsch, K.D., Riemer, H.A., Sluth, V., Paskevich, D.M. & Chelladurai, P. (2002). *What Affects a Volunteer's Commitment?*. Toronto: Canadian Centre for Philanthropy.
- Faraazlina, R., & Zunurain, F. (2018). The Impacts Of Community Service On Students' Soft Skill Development. *Journal of Techno-Social*, 9(2). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1767>
- Greene, R.R., & Kropf, N.P. (2009). *Human Behavior Theory: A Diversity Framework*. New Brunswick USA: A Division of Transaction Publishers.

- Griffith, D., & Hoppner, J. (2013). Global marketing managers. *International Marketing Review* 30, 21–41. doi:10.1108/02651331311298555
- Habitat for humanity. Benefits of Volunteering. <https://www.habitat.org/stories/benefits-of-volunteering>.
- Hasnuddin Ab Rahman, Hailrudin Jaafar dan Badrun Nisah Mohamed Nasiruddin. (2018). Keterlibatan Mahasiswa dalam Aktiviti Kesukarelawan dan Hubungannya dengan Kemahiran. *Proceeding of IC-ITS 4th International Conference on Information Technology & Society*, 4,1-15.
- Hengboonyapan, D. (2017). *Evolution of Community Health Plans year 2009-2017*. A document for strategic plan meeting of community health plans fiscal year 2018-2020. Bangkok: Thai Health organization.
- Institut Pembangunan Belia Malaysia. (2012). Kesukarelawan. <https://www.ipbpm.gov.my/dokumen/faktabelia/10.Sukarelawan.pdf>.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Komla Tsey, Siu Man Lui, Marion Heyeres, Josephine Pryce, Li Yan, Sharee Bauld. (2018). Developing Soft Skills: Exploring the Feasibility of an Australian Well-Being Program for Health Managers and Leaders in Timor-Leste. *Sage Journal* 8(4). doi.org/10.1177/2158244018811404.
- Khanitta Nuntaboot, Peerapong Boonsawasdulchai & Nisachon Bubpa. (2019). Roles of mutual help of local community networks in community health activities: Improvement for the quality of life of older people in Thailand. *International Journal of Nursing Sciences*, 6(3), 266-271.
- Kunle Akingbola. (2015). *Managing Human Resources for Nonprofits*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Levant, Y., Coulmont, M., & Sandu, R. (2016). Business simulation as an active learning activity for developing soft skills. *Accounting Education*, 25, 368–395. doi:10.1080/09639284.2016.1191272
- Meltzer. A. & Saunders. I. (2020). *Cultivating supportive communities for young people-mentorpathways into and following a youth mentoring program*. Children and Youth Services Review: Elsevier Ltd.
- Mersky. J.P., Topitzes. J., & Blair. K. (2017). Translating evidence-based treatments into child welfare services through community-university partnerships: A case example of parent-child interaction therapy. *Children and Youth Services Review* 82, 427-433. <https://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2017.10.002>
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof & Norlelawati Arifin. (2015). *Kemahiran insaniah dan aktiviti ko-kurikulum di Sekolah Menengah dan Universiti Awam*. International Language and Education Conference iLEC 2015-267, 1-12.
- Musick, M. & Wilson, J. (2003). Volunteering and depression: The role of psychological and social resources in different age groups. *Social Science and Medicine*, 56(2),259-269.
- MyMetro. 2020, 3 April. Swasta, NGO bantu pelajar ketika PKP. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561917/swasta-ngo-bantu-pelajar-ketika-pkp>.
- Oscar Licandro. (2017). The Relationship Between Corporate Volunteering and Corporate Social Responsibility: Results of an Empirical Study. *Ekonomski Vjesnik/ Econviews* 1, 67-83.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Pusat Aktiviti Sukarelawan V@C.<http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aXltWEFJVCsrMEIxMkJOM1U4b3FNdz09>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Pusat Aktiviti. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aXltWEFJVCsrMEIxMkJOM1U4b3FNdz09>.
- Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah. (2018). *7 Kemahiran Insaniah (KI) Yang Wajib Graduan Kuasai*. Universiti Sains Islam Malaysia. <http://ppki.usim.edu.my/7-kemahiran-insaniah-ki/>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2020). Sukarela. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sukarela>.
- Reece, B., Reece, M. (2016). *Effective human relations: Interpersonal and organizational applications*. Boston, MA: Cengage Learning.

- Reznik, O. (2016). Determinants of involvement in work for voluntary or charitable organizations in European countries. *Sage Journals January-March* 6(1).  
<https://doi.org/10.1177/2158244015623590>.
- Rokach, A. & Wanklyn, S. (2009). Motivation to Volunteer: Helping Empower Sick Children. *Psychology and Education: An Interdisciplinary Journal*, 46(1), 7-25.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi & Siti Nur Syuhada Musa. (2018). Profil sukarelawan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 19,18-37.
- Susan, A. D. & Julia, E. (2019). Soft Skills Needed for the 21st-Century Workforce. *International Journal of Applied Management and Technology*, 18(1),17–32.  
DoI:10.5590/IJAMT.2019.18.1.02.
- Shaheen Majid, Chithra Mary Eapen, Ei Mon Aung and Khine Thazin Oo. (2019). The Importance of Soft Skills for Employability and Career Development: Students and Employers' Perspectives. *IUP Journal of Soft Skills* 13(4),7-39.
- Skallerud, K. & Wien, A. H. (2019). Preference for local food as a matter of helping behaviour: Insights from Norway. *Journal of Rural Studies*, 67,79-88.
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2),51-59.
- Temubual mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2020). Kesukarelawanan dan kemahiran insaniah. Temubual, 18 Julai.
- Temubual mahasiswa Universiti Kuala Lumpur Business School. (2019). Kepentingan aktiviti sukarela di IPT. Temubual, 10 Ogos.
- Tharshini, N.K & Fauziah Ibrahim. (2019). Pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat: satu kajian ulasan sistematik. *Journal of Human Capital Development*, 12(2), 43-52.
- United Nation Volunteers. (2020). <https://www.unv.org/about-unv/who-we-are>.
- United Nations Volunteer. (2018). *State of the World's Volunteerism Report*. United Nations.
- Whetten, D., Cameron, K. (2014). *Developing management skills: Global edition*. Boston, MA: Prentice Hall.
- Wheeler, R. E. (2016, January/February). Soft skills-the importance of cultivating emotional intelligence (AALL Spectrum). Boston, MA: Boston University School of Law.